

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS DAERAH JEMPOL
(KENYATAAN TAWARAN)

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/ Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJL BG/03/2015	Menaiktaraf Medan Selera Penarikan Jalan Juasseh Bahau, MD Jempol (Peruntukan YB Menteri)	<u>Gred G2</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> B-Pembinaan Bangunan <u>Pengkhususan</u> B04-Kerja Am Bangunan	RM 50.00	11/09/2015 (Jumaat)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol Negeri Sembilan Darul Khusus mulai daripada **07 September 2015 (Isnin)**. Dokumen sebutharga tidak dijual sebelum daripada tarikh diatas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6%.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang DiPertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan dikaunter Majlis Daerah Jempol Pada Waktu pejabat. Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Lawatan Tapak akan diadakan pada **04 September 2015 (Jumaat)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di Perkarangan **Majlis Daerah Jempol** Sebelum 9.00 untuk pendaftaran.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUTHARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada hari **11 September 2015 (Jumaat)**. Pemborong yang tidak menghadiri lawatan tapak, secara automatik tidak akan dikeluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat-surat pendaftaran asal" berserta salinan-salinannya ketika membeli dokumen sebutharga.

Majlis Daerah Jempol tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggung jawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

SYARAT-SYARAT MENGHADIRI SEMASA LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol sahaja.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekalisijil-sijil asal PKK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pemborong adalah daripada kontraktor bumiputera Gred G2 yang **berdaftar dengan Majlis Daerah Jempol pada tahun 2015** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga tersebut.

Tarikh Pengiklanan

27 Ogos 2015

.....
(ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p Yang DiPertua,

Majlis Daerah Jempol.